

27/01/2002

Adat berkampung di perantauan

SATU bangsa itu terkenal dan disanjung tinggi sebab kuasa ketenteraan, keilmuan dan ekonominya (Amerika Syarikat), tamadun (Eropah Barat), peradaban (China), serta Jepun kebangkitan dan kemajuan ekonomi yang dapat pula mempertahankan budaya mereka walaupun mencapai kedudukan antara dua tiga tertinggi dan terbesar di alam semesta.

Ada bangsa dihormati kerana kebudayaannya yang lemah lembut, halus dan indah. Ada pula yang dibenci dan terhina kerana watak kekerasan, kebiadaban, kemiskinan dan pentadbiran yang rasuah, tidak prihatin, kucar-kacir, berbudaya dan berbahasa tiruan.

Budi bahasa menunjukkan seseorang, bangsa dan kelompok itu berbangsa kerana kemuliaan dan kehormatan sejati tidak boleh dinilai dengan harta dan kebendaan, kekuatan atau jumlah bilangan bangsanya. Kualiti menguasai dunia bukan kuantiti.

Rumpun Melayu terkenal beradat, beresam, bersopan santun, berbudi dan berbahasa. Kita lazimnya mengenang budi orang hingga kadang kala terlalu berbudi, toleransi, bertimbang rasa dan bertolak ansur hingga kampung tergadai dan lenyap.

Kalau masih ada lagi keistimewaan ini di kalangan rumpun Melayu dan Melayu Perdana, sudah tentu sifat ini adalah pada kebiasaannya "bumi dipijak, langit dijunjung." Dalam kata lain, kita hendaklah mematuhi undang-undang dan tradisi di tempat kita tinggal, baik sebagai penduduk tetap, tetamu, apalagi sebagai pekerja di negara mana kita menimba ilmu, kemahiran, mencari rezeki dan menumpang.

Nenek moyang kita bermadah bagi zuriat mereka: "orang yang berbudi rendah bukan hanya merosakkan dirinya sendiri tetapi juga persepsi orang terhadap perangai dan akhlak kawan-kawannya, bangsa dan negara dari mana mereka datang."

Apa pun, janganlah bak kata orang tua: "langit runtuh, bumilah runtuh". Kita harus ada harga diri, menjaga nama baik dan prestij negara.

Ramai orang Melayu mempunyai hubungan rapat dengan orang seberang tetapi kelakuan ganas minoriti "tetamu" ini telah merosakkan bahkan membasmi perasaan kekeluargaan dan silaturahim natural itu.

Jumaat lalu, saya menghadiri satu majlis persandingan anak satu keluarga yang akrab dengan saya. Pengantin lelaki keturunan Melayu dan Sunda (Jawa Barat). Antara 700 jemputan, barangkali ada 50 keluarga ibu pengantin dari Indonesia. Mereka terpelajar, bertamadun dan berbudi bahasa sesuai dengan kelas dan darjat serta pendidikan mereka. Tiada masalah. Kita mesra. Saya bercakap dengan tiga tetamu (dua wanita dan seorang lelaki), mereka amat bersopan santun dan ramah, memancar kebaikan budaya Nusantara.

Seorang diplomat Indonesia dan seorang kenalan lama (lebih 30 tahun) yang tinggal di Jakarta menyesal amat sangat perbuatan dan kelakuan buruk "tetamu" kita. Saya kata kita ramai "tetamu" dari seberang dan tidak banyak masalah tetapi sekarang yang terpilih datang atau datang tanpa undangan adalah terdiri daripada mereka yang tidak mewakili kelakuan majoriti orang Indonesia. Mereka bersetuju. Yang hadir di majlis itu adalah nilam atau intan terpilih dari seberang Selat Melaka.

Negara kita terus membangun begitu cepat, kita kelaparan buruh dan pekerja tidak mahir, maka hampir 20 peratus bilangan penduduk kita terdiri daripada pendatang asing (sama ada secara haram atau dengan izin). Majoriti mereka mematuhi undang-undang negara kita.

Anak watan, apa pun keturunan, tidak gemar membuat kerja yang dianggap

mereka sebagai hamba atau kuli. Maka, amat sukar sekarang mendapat orang gaji, tukang masak, pembantu rumah, tukang cuci kain, driver dan tukang kebun.

Kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. Kerajaan kita, tegas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pengambilan buruh dari Indonesia adalah pilihan terakhir (the last resort). Keutamaan akan diberi kepada negara-negara jiran lain.

Kita juga harus salahkan diri sendiri kerana terlampau bergantung kepada satu kilang buruh kasar saja. Satu pengajaran yang mahal kerana tegas seorang cendekiawan Melayu, disebabkan terlampau taksu sangat, kepada retorika satu rumpun. Tambahnya: "Nanti kalau tidak berwaspada, kita akan dikhianati kerana taksu dengan retorika agama."

Saya tertanya-tanya, sehingga 70 peratus buruh kasar dan pembantu rumah dari satu negara saja sehingga mereka membawa mudarat dan sudahkah begitu sangat sektor pembinaan, perladangan dan pembantu rumah bergantung kepada mereka? Soalan ini terjawab sendiri. Kesediaan kita menghantar pulang mereka yang tidak mengikut undang-undang kita dengan pantas disambut hangat oleh rakyat.